

Tebang balak di kaw

Kaji semula – Nik Aziz

UM 24.06.08 M/S 7

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD

KUALA LUMPUR 23 Jun – Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hari ini meminta kerajaan Kedah mengkaji semula rancangan untuk menebang balak di kawasan tadahan air.

Sebaliknya, beliau berkata, kerajaan negeri itu harus memberi tumpuan kepada usaha mencari kawasan pembalakan yang kedudukannya 1,000 meter dan ke atas seperti dilakukan di Kelantan.

Beliau bimbang sekiranya rancangan itu diteruskan, ia boleh menyebabkan berlakunya pencemaran air dan alam sekitar termasuk boleh menyebabkan bukit runtuh.

“Kalau boleh tidak begitulah kerana air akan jadi masalah, beri kesan kepada alam sekitar dan bukit runtuh. Di Kedah sendiri sudah tentu ada kawasan lebih 1,000 meter yang tidak pernah membalak.

“Mereka boleh guna helikopter untuk mengesan balak-balak yang sesuai ditebang yang berada di kawasan ini (lebih


1,000 meter),” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Ar-Rahn cawangan Jalan Raja Laut di sini hari ini.

Akhbar hari ini melaporkan bahawa kerajaan Kedah tetap mahu menebang balak di kawasan tadahan air negeri ini meskipun pelbagai pihak termasuk kerajaan negeri Pulau Pinang meminta cadangan itu dikaji semula.

Menteri Besarnya, Azizan Abdul Razak bagaimanapun memberi jaminan pembalakan di kawasan tersebut tidak akan menjejaskan alam sekitar dan bekalan air untuk kegunaan pertanian.

Jelasnya, penebangan balak akan dijalankan secara teratur dan sistematik seperti ‘mencabut uban di celah-celah rambut’ iaitu hanya pokok tua yang akan ditebang, melibatkan tiga hingga empat batang bagi setiap hektar.

Menjawab satu soalan, Nik Abdul Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan berkata, kerajaan Kelantan tidak mem-



NIK ABDUL AZIZ

benarkan pembalakan dijalankan di kawasan tadahan air.

“Pendirian kita ialah aktiviti pembalakan hanya dijalankan di kawasan lebih 1,000 meter, manakala jenis balak yang boleh ditebang adalah balak tertentu dan telah mencapai ukur lilit tertentu,” ujarinya.

Beliau berkata, pihaknya menggunakan helikopter untuk meninjau kawasan yang sesuai yang

sebelum ini telah berjaya dilaksanakan di Sarawak.

“Balak ini sebenarnya nikmat Allah dan ia perlu digunakan sepenuhnya untuk hasil negeri yang kemudiannya akan disalurkan kepada rakyat,” ujarinya.

Dalam pada itu, beliau berkata, adalah kurang bijak bagi kerajaan sesebuah negeri yang membiarkan balak berharga jutaan ringgit dan boleh menjana pendapatan negeri dibiarkan begitu sahaja.

Asas tadahan air

Tetap diteruskan – Azizan

Oleh ZAINU'L AZHAR ASH'ARI

ALOR STAR 23 Jun – Menteri Besar, Azizan Abdul Razak menolak dakwaan bekas Menteri Besar, Datuk Seri Mahdzir Khalid bahawa kerajaan negeri gagal menguruskan sumber pendapatan negeri dengan baik sehingga terpaksa merancang menebang balak di kawasan tadahan air.

Sebaliknya, beliau berkata, Mahdzir mungkin tersilap persepsi tentang kaedah penebangan balak tanpa menjejaskan alam sekitar yang akan dijalankan di kawasan berkenaan.

“Mungkin mereka menganggap kita akan menebang balak macam gunting rambut, gondol di Pahang, gondol di Perak, Kelantan dan Terengganu. Kita tidak akan benarkan begitu, kita tahu petani Kedah perlukan air,” katanya.

Beliau bercakap pada sidang akhbar selepas pelancaran e-Sinar di Kediaman Rasmi Menteri Besar, Sri Mentaloon di sini hari ini.

Utusan Malaysia hari ini melaporkan kenyataan Mahdzir yang mengingatkan Azizan supaya bijak mencari sumber pendapatan bagi menampung perbelanjaan negeri.

Mahdzir yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UM-NO dan Barisan Nasional (BN) Negeri berkata, jika kerajaan negeri tetap dengan keputusan untuk menebang balak di kawasan itu, ia dikhuatiri akan memberi kesan buruk kepada sumber air dan pertanian di negeri ini.

Azizan menjelaskan, pembalakan yang akan dilakukan cuma tertumpu kepada penebangan kira-kira tiga batang balak yang tua di kawasan berkenaan tanpa menjejaskan pokok-pokok lain.

“Kalau kita tak kerat (tebang), pokok-pokok tua ini akan tum-



AZIZAN ABDUL RAZAK

bang kerana ia sudah reput dan tentulah menjejaskan pokok-pokok lain,” kata beliau.

Mengenai e-Sinar yang dilancarkan hari ini, beliau memberitahu ia adalah Sistem Pangkalan Data Kemiskinan Negeri Kedah secara dalam talian untuk merekodkan segala maklumat berkaitan ke-

tua isi rumah yang miskin di negeri ini.

Menurutnya, data yang lengkap akan memudahkan kerajaan negeri mengenal pasti penerima yang benar-benar memerlukan bantuan.

Beliau berkata, pihaknya tidak mahu orang yang layak menerima bantuan tercicir sebaliknya mereka yang telah memperoleh sumbangan seperti zakat diberi keutamaan.